

KTPK 18/4/2.01 Jld.4 / (36)

Ibu Pejabat
Jabatan Ukur dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

8 Mac, 1993.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.4/1993
:: Penggunaan Bahan Poliester Dalam Penyediaan Pelan Akui ::**

1. Tujuan

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memperkenalkan penggunaan bahan poliester dalam penyediaan Pelan Akui.

2. Latarbelakang

- 2.1 Media kertas berlapis kain yang digunakan masakini untuk penyediaan Pelan Akui merupakan media yang paling sesuai berdasarkan kepada ciri-ciri ketahanan dan kestabilannya. Namun begitu kesesuaiannya didapati terbatas kepada penggunaan secara manual serta dengan sebilangan kecil jenis pemplot, seperti pemplot landas rata, yang sangat tinggi harganya. Disamping itu, bekalannya bertambah sukar diperolehi di pasaran oleh kerana skop penggunaannya yang kecil.
- 2.2 Mengikut arus perkembangan teknologi semasa di mana media untuk digunakan dengan pemplot-pemplot komputer kian meluas, jenis poliester merupakan salah satu bahan yang mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan penggunaan alat tersebut.
- 2.3 Bahan poliester memiliki sifat-sifat yang membolehkan ianya digunakan samada secara manual atau dengan mesin pemplot. Selain dari itu ianya juga mempunyai kelebihan dari segi :
 - (i) Mudah diperolehi di pasaran tempatan.
 - (ii) Boleh dipakai untuk berbagai tujuan seperti pelan warta, pelan pelbagai dan sebagainya.
 - (iii) Boleh digunakan dengan berbagai kaedah reproduksi seperti proses "diaz", salinan fotokopi dan sebagainya.

3. Spesifikasi

Dengan penguatkuasaan pekeliling ini, bahan polister hendaklah digunakan sebagai media Pelan Akui. Bahan yang digunakan hendaklah memenuhi spesifikasi berikut :

- (i) Ukuran : 420 mm x 594 mm
- (ii) Ketebalan : Sekurang-sekurangnya 0.125 mm
- (iii) Permukaan : " Double matte"
- (iv) Warna : Putih

4. Dakwat

Dakwat yang digunakan hendaklah berwarna hitam kekal yang sesuai dengan media poliester.

5. Pengendalian dan penyimpanan

Bagi mengelak daripada berlakunya kerosakan ke atas Pelan Akui jenis polister ini, Pengarah-Pengarah Ukur Negeri hendaklah memastikan pengendalian ke atas pelan ini dibuat secara cermat seperti tidak menggulung pelan tersebut, mengelakkan dari terlipat dan sebagainya. Di samping itu, untuk memastikan ketahanan usia Pelan Akui jenis ini, ia hendaklah disimpan dengan cara dan keadaan yang bersesuaian dengan sifatnya.

6. Pelaksanaan

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya dengan serta-merta. Walaubagaimanapun borang-borang pelan sekarang masih boleh digunakan sehingga ketempoh stok yang ada habis.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran:

Semua Pengarah Ukur Negeri
Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Pemetaan
Pengarah Ukur Kadaster
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster (Unit Khas)
Penolong Pengarah Ukur Kadaster (P&L)